

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING  
(SERDANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Lembaga KWSP enggan membayar pampasan kepada 135 pesara perintis KWSP untuk sumbangan KWSP dua tahun yang tidak dibayar (1975-1975) dan pemberhentian kelayakan mereka untuk sumbangan SPF dari tahun 1977.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Persatuan Pesara KWSP telah memfailkan satu Semakan Kehakiman di Mahkamah pada tahun 1991 berhubung bayaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi tempoh dari tahun 1975 hingga 1977. Di dalam kes tersebut

Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa Persatuan Pesara KWSP tiada '*locus standi*' untuk memfailkan tindakan tersebut mewakili pihak pesara.

Daripada keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut, pihak pesara secara individu telah memfailkan satu Semakan Kehakiman yang baru berkaitan perkara ini. Tindakan ini telah difailkan di Mahkamah Tinggi dan seterusnya dibawa ke Mahkamah Rayuan. Semakan Kehakiman ini telah ditolak oleh kedua-dua Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Pihak KWSP menghormati keputusan Mahkamah yang telah dibuat.